

Nasihat Dr Mahathir kepada Adun BN Sabah

BH 22 FEB 1994

Mesra dengan rakyat

Oleh Kamal Anmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sabah daripada Barisan Nasional (BN) berfungsi dengan lebih berkesan dalam Dewan dan kepada masyarakat.

Pengerusi BN Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai, berkata Perdana Menteri juga meminta mereka bekerja keras, mengamalkan pendekatan mesra dengan rakyat, merendah diri serta sanggup menyelesaikan masalah bila-bila masa.

"Dr Mahathir mahu kita lebih bertanggungjawab dan sanggup berkhidmat dengan lebih baik dan secara yang menyenangkan hati masyarakat. Kita mesti mendengar masalah mereka dan menyelesaikannya secepat mungkin.

"Sebagai wakil rakyat BN, kita mempunyai kemampuan mengemukakan masalah itu kepada kerajaan," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat hampir dua jam kepada Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Semua 23 Adun BN yang menang dalam pilihan raya Sabah berakhir Sabtu lalu hadir. Taklimat itu antara lain mengenai prestasi BN dalam pilihan raya serta ikrar Adun untuk berkhidmat bersungguh-sungguh bagi memastikan kemenangan lebih cemerlang dalam pilihan raya akan datang.

Sakaran berkata, BN juga akan memastikan keperluan dan pembangunan yang dijanjikan kepada rakyat Sabah dalam kempen pilihan raya, dipenuhi.

Menurutnya, BN akan mengadakan *post-mortem* tidak lama lagi meneliti semula keberkesanan strategi parti dan mengenal pasti kelemahan yang menyebabkan calonnya tewas di beberapa kawasan sepatutnya menang.

Beliau berkata, sebagai parti pembangkang di Sabah, BN akan mengawasi segala tindak-tanduk kerajaan PBS dalam hal mengendali dan mengeksploitasi hasil negeri.

"BN akan memastikan mereka tidak menyalahgunakan kuasa. Kita akan memberi teguran dan mengemukakan pandangan sewajarnya serta menjadi pembangkang yang betul-betul berkesan dan bertanggungjawab di DUN Sabah," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan Umno Sabah akan meminta mahkamah memberi tafsiran mengenai maksud Artikel 14(1)(C) Perlembagaan Sabah yang memberi kuasa Ketua Menteri melantik enam Adun tambahan, Sakaran berkata:

"Kita akan kaji sama ada bolehkah kita mencabarnya di mahkamah. Ini perlu dikaji kerana undang-undang Sabah agak berlainan sedikit."

Mengulas mengenai Adun PBS menyertai BN, beliau berkata ada ura-ura mengenainya tetapi sehingga ini tidak ada yang berbuat demikian.